



Pameran Manuskrip Melayu Pahang

Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia





MANUSKRIP MELAYU



Manuskrip Melayu merupakan suatu warisan ilmu dari zaman silam yang tiada ternilai harganya. Manuskrip Melayu didefinisikan sebagai sebuah karya yang bertulis tangan, terutama sekali dalam tulisan Jawi yang dihasilkan pada awal abad ke-16 dan selewat-lewatnya pada awal abad ke-20.


Permukaan batu dan pahat merupakan peralatan awal tulisan. Kemudian penggunaan kertas bermula dengan kertas daluang, kertas *oriental* dan kertas *laid Eropah* membantu perkembangan intelektual orang Melayu dalam bidang penulisan dan kepengarangan. Semenjak itu, beribu-ribu manuskrip telah dihasilkan di pelbagai pusat perkembangan ilmu di seluruh alam Melayu dengan tunjang utama skriptorium ini adalah istana.



MSS 125


KITAB TAUHID

Dipercayai dikarang oleh pengarang yang berasal dari Pahang. Membincangkan syariat dan iktikad, sifat-sifat dan zat Allah SWT.



KITAB SEMBAHYANG

Membicarakan mengenai sembahyang lima waktu dan kelebihan setiap waktunya.






MSS 3903

HIKAYAT HANG TUAH

Manuskrip ini dimiliki oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Terengganu. Naskhah ini selesai dikarang pada 22 haribulan Syaaban 1344H. [6 Mac 1926M.], jam pukul sembilan.



Sebuah hikayat yang mengisahkan keperwiraan Hang Tuah. Hikayat ini bermula dengan hajat Raja Shah Alam yang ingin mengahwinkan anaknya Puteri Gemala Ra'an Fahlihah. Para nujum pada ketika itu meminta paduka raja agar memerintahkan puteri baginda ke Pulau Biram Dewa dan membina mahligai di sana. Di akhir cerita, dinukilkan *Syair Hang Tuah Lima Bersaudara* dan kenyataan bahawa manuskrip ini telah disalin dalam bandar Pekan negeri Pahang.



SEJARAH MANUSKRIP MELAYU DI PAHANG

Budaya penulisan manuskrip yang muncul dan berkembang di slam Melayu sekitar abad ke-16 hingga abad ke-19 meninggalkan sejumlah khazanah persuratan Melayu yang kaya dengan pelbagai maklumat mengenai sejarah perkembangan tamadun Melayu. Dalam jangka masa empat kurun yang lampau, negeri Pahang juga tidak terkecuali mengalami perkembangan intelektual yang pesat dengan penghasilan naskhah manuskrip Melayu seperti *Hukum Kanun Pahang*, *Hikayat Pahang*, *Salasilah Raja-Raja Pahang, Johor, dan Riau* serta pelbagai genre lagi yang mencakupi hal-elwal sosio-budaya, ekonomi dan politik masyarakat Pahang pada ketika itu.





ISTANA PAHANG SEBAGAI PUSAT SKRIPTORIUM MANUSKRIP MELAYU



Tradisi kepengarangan pada zaman silam dinaungi oleh istana Melayu yang juga dikenali sebagai pusat kebudayaan Melayu. Banyak kerja penulisan dan penyalinan seperti surat-menyurat, undang-undang serta karya manuskrip agong seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Misa Melayu*, *Hikayat Pahang*, *Tuhfat al-Nafis* dan lain-lain lagi ditulis di istana. Dalam hal ini, Istana Pahang juga merupakan sebuah pusat yang penting bagi tradisi kepengarangan manuskrip Pahang.

Golongan istana merupakan pengarang atau penyalin yang penting dalam tradisi kepengarangan manuskrip Melayu. Antara tokoh pengarang istana terdiri daripada kalangan kerabat diraja ialah Tengku Mariam binti Almarhum Sultan Ahmad, Sultan Pahang (1882-1914).

Tengku Mariam telah berkahwin dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, iaitu Sultan Terengganu yang ke-13 pada 21 Julai 1913. Tengku Mariam telah mengarang manuskrip *Salasilah Sultan Omar* dan beberapa buah syair pelayaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah ke Jawa, Siam dan Medan. Selain itu juga Tengku Mariam merupakan penyalin manuskrip *Hikayat Usul Majlis Perdana Alam* dan *Hikayat Isma Yatim*.



MSS 4013

SURAT DARIPADA SERI PADUKA
SULTAN PAHANG KEPADA
ANAKANDA YANG MULIA SULTAN
ABU BAKAR YANG DIPERTUAN
NEGERI PAHANG BERTARIKH 16
DISEMBER 1932M.
[18 SYAABAN 1351H.]

Sultan Pahang menceritakan tentang perasaan dukacita baginda kerana Tengku Mansur telah berkelahi dengan Sheikh Jaafar dan menuduh Sheikh Jaafar sebagai orang Tengku Besar yang kurang ajar. Sultan Pahang juga merasa syak bahawa Tengku Mansur mengamuk kerana undangan dan pinangan beliau ditolak oleh anakanda sultan.






MSS 4014

SALASILAH KETURUNAN DATUK INDERA SHAH BANDAR

Mengandungi susur galur salasilah keturunan Datuk Indera Shah Bandar yang memegang jawatan Orang Kaya Indera Shah Bandar di Kampung Benta dan Jambu Pekan Pahang.





MSS 2925

SALASILAH RAJA-RAJA PAHANG, JOHOR DAN RIAU

Mencatatkan salasilah 5 Upu Bersaudara yang berasal dari Bugis sehingga ke keturunan yang ke-12 dengan jelas dan terperinci. Dimulakan dengan Bendahara Paduka Raja Tun Habab Johor mangkat pada tahun 1191H. Salasilah ini dihadiahkan oleh Tengku Muhammad Saleh Abu Bakar kepada Tengku Ahmad ibn Tengku Abu Bakar.





MSS 2583

HUKUM KANUN MELAKA

Hukum Kanun Melaka merupakan sebuah risalah undang-undang tradisional tertua yang pernah wujud di negara ini. Pada mulanya ia merupakan sebuah undang-undang tidak bertulis tetapi telah dijalankan pelaksanaannya pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1446-1456M). Pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1489-1511M), barulah ianya ditulis dan disusun secara teratur. Naskhah ini merupakan naskhah induk kepada beberapa Hukum Kanun yang lain termasuklah Hukum Kanun Pahang di mana terdapat beberapa ciri persamaan yang wujud antara kedua-dua naskhah ini selain terdapat juga perbezaan dan ciri-ciri keunikannya yang tersendiri.



KITAB ISTILAH BAGI RAJA DAN WAZIR BAGI NEGERI PAHANG DARUSSALAM

Mencatatkan istilah-istilah yang digunakan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafar Muhyiddin Shah. Selain itu, naskhah ini juga menerapkan keunikannya yang tersendiri dengan menjadikan cerita berbentuk kiasan sebagai panduan dan nasihat kepada raja-raja dalam melaksanakan pemerintahan.

Selain itu, naskhah ini juga menerapkan keunikannya yang tersendiri dengan menjadikan cerita berbentuk kiasan sebagai panduan dan nasihat kepada raja-raja dalam melaksanakan pemerintahan.






MSS 738

HIKAYAT PETRUK MUNGGA RATU (HPMR)

Hikayat ini ditemui di negeri Pahang. HPMR merupakan salah satu tokoh dalam wayang Jawa. Ia mengisahkan mengenai pertempuran dua kerajaan yang amat sengit untuk merebut pusaka Jimat Kalimusodo yang teramat sakti, namun akhirnya pusaka itu jatuh ke tangan Petruk. Dengan mengamalkan pusaka Jimat Kalimusodo maka jadilah Petruk seorang yang sakti dan gagah perkasa. Dengan kesaktiannya itu menyebabkan Petruk menjadi angkuh dan sombong.





MSS 737

HIKAYAT PENDAWA AL-BUR

Hikayat Pendawa Al-Bur atau lebih dikenali sebagai Hikayat Pendawa Lima Lebur merupakan sebuah kisah mengenai pengembaraan Pendawa lima bersaudara yang merupakan tokoh yang tidak dapat dipisahkan dengan kisah Mahabarata. Dicatatkan dikolofonnya bahawa manuskrip ini disewakan kepada pembaca-pembaca di daerah Relok, Palembang. Maklumat ini memberi kesimpulan bahawa Abu Bakar bin Saman telah membeli manuskrip-manuskrip ini sewaktu menjelajah ke Sumatera dan menjilidkan naskhah-naskhah tersebut apabila pulang ke Pahang.

